

Kerajaan sedia bincang pinda akta antilompat parti

Anwar dedah PH usul pindaan pada 2022, tetapi ditolak kerajaan ketika itu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan sedia berbincang untuk meminda akta antilompat parti bagi memperbaiki kelompangan yang terdapat dalam undang-undang berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Pakatan Harapan (PH) pada 2022 pernah mengusulkan supaya pindaan dibuat kepada akta terbabit, namun ditolak oleh kerajaan pada masa itu.

“Dulu kita (tahun 2022 di blok pembangkang) cadang supaya mana-mana yang ditolak (dibuang) oleh parti, ditolak (mengosongkan kerusi) tapi tidak disetujui oleh kerajaan masa itu.

“Sebab dia masa tu orang UMNO masuk parti dia, jadi bagi saya kalau nak pinda boleh, kita bincang supaya siapa sahaja (tidak terkecuali).

“Dahulu dia (pembangkang) menentang, ramai tak tahu,” katanya kepada pemberita ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau An-Najah Presint 9, di

sini, semalam.

Selasa lalu, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul menolak permohonan BERSATU bagi mengosongkan enam kerusi Parlimen selepas wakil rakyatnya beralih menyatakan sokongan kepada Anwar.

Menurut Johari, keputusan yang berdasarkan Perkara 49A (3) Perlembagaan Persekutuan itu dibuat untuk memastikan kestabilan politik.

Undang pelbagai reaksi

Keputusan itu bagaimanapun mendapat reaksi pelbagai pihak yang antaranya mendakwa, Speaker memutuskan berdasarkan kepentingan politik kepartian dan gagal menghormati asas keaulatan undang-undang dan ke-luhuran perlembagaan.

Keputusan dibuat Johari itu apabila pada 20 Jun lalu, BERSATU mengemukakan notis kepada Speaker Dewan Rakyat meminta supaya enam kerusi Parlimen diwakili wakil rakyatnya itu dikosongkan.

Notis itu dikemukakan berdasarkan peruntukan Perkara 49A(1)(a)(ii) Perlembagaan, iaitu seseorang ahli Dewan Rakyat hendaklah terhenti menjadi ahli dewan dan kerusinya menjadi kosong apabila tidak lagi menjadi anggota parti politik terbabit.

Enam Ahli Parlimen terbabit adalah Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan),

Zahari Kechik (Jeli), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (Tanjong Karang).

Mengulas lanjut, Anwar berkata, PH ketika itu mengusulkan supaya siapa sahaja yang ditolak oleh parti, secara automatik digugurkan sebagai Ahli Parlimen.

“Dia (BERSATU) tolak keras sampai kita bertolak ansur dan akhirnya jadi undang-undang (yang ada) sekarang. Jadi kalau dia nak pinda, kita boleh bincang, boleh pinda,” katanya.

Kelmarin, Anwar berkata, Johari bertindak berdasarkan Perlembagaan dan taksiran undang-undang semasa memutuskan enam Ahli Parlimen bekas ahli BERSATU kekal sebagai wakil rakyat.

Sehari sebelum itu, Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan alasan dikemukakan Johari adalah dangkal dan tafsiran dibuat songsang, sekali gus mencemar Perlembagaan Persekutuan.

Terdahulu, kehadiran Anwar menunaikan solat Jumaat di surau berkenaan menarik perhatian ramai, khususnya peminat cilik.

Perdana Menteri yang tiba pada jam 12.45 tengah hari, ‘diserbu’ puluhan murid dari sekolah berhampiran yang teruja sebaik melihat sosok pemimpin itu serta mengambil kesempatan untuk bersalaman dengan Perdana Menteri.